

## Beberapa Perkara Yang Dianggap Remeh-temeh Oleh Orang Islam Dalam Pelaksanaan Ibadah Yang Perlu Diperbetulkan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين، ونصلي ونسلم على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وأصحابه أجمعين.

- 1) Ada diantara ummat Islam apabila mengakhiri do'anya ketika berdo'a dengan membaca ayat Al-Quran, surah Yunus, ayat 10 (yang menceritakan do'a penduduk syurga ketika berada di dalam Syurga diakhirat kelak) yang berbunyi:

دَعَوَاهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَأَخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

### Ertinya:

*Do'a puji-pujian mereka di dalam Syurga ialah "Subhanakallahumma" (Maha suci Engkau wahai Tuhan kami) dan salam penghormatan mereka ialah "salam" (sejahtera dari segala bencana) dan penutup do'a mereka ialah " Alhamdulillah Rabbil'alamin.*

Apabila perkataan *دَعْوَاهُمْ* (dan penutup do'a mereka ahli syurga itu) diubah menjadi *دَعْوَانَا* maka berubahlah makna ayat itu menjadi "dan penutup doa kami..". jadinya tidak lagi sempuma jalan cerita cara adil syurga berdo' a di dalam syurga.

- 2) Do'a untuk kedua ibubapa apabila dibaca secara bersendirian (munfarid) akan berubah "Dhomir dan bentuk mufradnya apabila seorang imam membacanya dihadapan makmum.

Do 'a Secara Bersendirian:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَلِوَالِدِيَّ وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

Do'a Secara Berjemaah:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدِينَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا

Atau

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَلِآبَائِنَا وَلِأُمَّهَاتِنَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا

Contoh ucapan doa yang salah:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدِينَا وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا

Ucapan doa yang betul:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدِينَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا

3) Dalam sejarah Rasulullah SAW ketika menyampaikan khutbah jumaat, baginda tidak pernah mengangkat kedua tangannya ketika berdo'a melainkan hanya memberikan isyarat dengan telunjuknya. Jadi sebaiknya seorang khatib ketika menyampaikan khutbah jumaat, tidak perlulah mengangkat kedua belah tangannya melainkan hanya telunjuknya sahaja sebagai isyarat. Adapun makmum bolehlah mengangkat kedua belah tangan ketika mengaminkan doa khatib jumaat itu.

4) Ketika Nabi mengakhiri khutbah jumaat yang kedua (sebelum baginda turun dari mimbar) pernah memerintahkan Bilal supaya segera meng'iqamatkan sembahyang sambil baginda mengucapkan **أَقِمِ الصَّلَاةَ** yang bererti perintah itu ditujukan kepada Bilal agar meng'iqamatkan sembahyang. Bukan Nabi membaca **أَقِيمُوا الصَّلَاةَ** yang bererti perintah itu ditujukan kepada semua hadirin supaya mereka mendirikan sembahyang jumaat,,seperti kebanyakan dilakukan oleh khatib-khatib selama ini.

5) Ketika mengangkat *Takbiratul Ihram* (pada permulaan sembahyang, tidaklah perlu dibuat- buat dan diada-adakan pergerakan tertentu sehingga menampakkan seakan-akan susah sangat memasang niat ketika mengangkat *Takbiratul Ihram*). Niat yang diqasatkan dalam hati ketika mengangkat Takbir tidak perlulah lama-lama dan diulang ulang kerana kita sangat yakin bahawa Allah Maha mengetahui apa yang diqasatkan dalam hati. Kalau diulang-ulang dan dipanjang-panjangkan qasad dan percakapan hati itu seakan-akan kita buruk sangka dan menuduh Allah tidak mengetahui dan tidak mendengar apa yang ada di dalam hati kita. Jadi segala perbuatan sembahyang tidak perlu ditambah-tambah lagi kerana ianya sudah memadai dengan apa yang diajarkan oleh Nabi SAW.

والله أعلم بالصواب

Disediakan oleh:

Pejabat Mufti Negeri Sabah  
**KOTA KINABALU**  
10.07.2001